

01 AUG 1997

Annuar-Umno

UMNO KELANTAN TIDAK BERCANGGAH DENGAN PUSAT

PASIR PUTEH, 1 Ogos (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Umno Kelantan tidak pernah cuba menghalang usaha kerajaan pusat untuk membawa projek pembangunan ke Kelantan.

"Umno Kelantan sentiasa bersikap terbuka dan berjuang untuk memajukan rakyat Kelantan dengan pelbagai pembangunan walaupun negeri ini diperintah oleh Pas," kata beliau.

Annuar berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini yang mendakwa kerajaan pusat tidak dapat membawa pembangunan ke Kelantan kerana cuba dihalang oleh Umno Kelantan.

"Pas tuduh Umno Kelantan tak baik, hanya Umno pusat yang baik. Bukanlah menjadi dasar kerajaan pusat untuk tidak sehaluan dengan Umno negeri", kata Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, kepada pemberita di Pusat Media di sini hari ini.

Annuar berkata, Umno Kelantan memang sehaluan dengan pusat kerana Presiden Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Katanya slogan Barisan Nasional (BN) untuk membuat perubahan di Kelantan, dalam kempennya bagi pilihan raya kecil negeri kawasan Semerak pada 11 Ogos ini, membayangkan hasrat BN untuk membangunkan pelbagai aspek hidup rakyat termasuk ekonomi dan sosial.

Kerana itu beliau menyangkal dakwaan Pas bahawa slogan BN itu sekadar menawar projek yang boleh memusnahkan kepentingan rakyat Kelantan, katanya.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan tiga penjurong antara calon BN Kamaruddin Mohd Nor, calon PAS Wan Mohd Fauzi Wan Hussain dan calon parti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) Mohd Din Nizamudin. --  
BERNAMA

WM BD NMO